

## **Malaysia – Sarung Tangan Getah – Buruh Paksa**

Terdapat laporan bahawa orang-orang dewasa dipaksa membuat sarung tangan getah di Malaysia. Buruh paksa banyak berlaku terutamanya di kalangan buruh migran dari Bangladesh, India, Myanmar, dan Nepal yang bekerja di lebih 100 kilang sarung tangan getah di seluruh Malaysia. Laporan menunjukkan terdapat kira-kira 42,500 pekerja migran yang bekerja di dalam industri sarung tangan getah Malaysia. Pekerja sering dikenakan yuran tinggi oleh perekrut untuk mendapatkan pekerjaan yang mengakibatkan mereka terikat dengan beban hutang; dipaksa bekerja lebih masa daripada yang dibenarkan di bawah undang-undang Malaysia; dan bekerja di kilang-kilang di mana suhu mencecah paras yang membahayakan. Tambahan pula, buruh bekerja di bawah ancaman pelbagai denda, termasuk tidak diberi gaji, pergerakan mereka dihadkan, dan dokumen pengenalan mereka ditahan.